

05/11/2003

Pak Lah pengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) Jumaat ini, yang pertama dipengerusikannya sejak dilantik sebagai Perdana Menteri Jumaat lalu.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata tidak ada agenda khusus akan dibincangkan, tetapi yang pasti presiden semua parti komponen

BN akan menyatakan sokongan terbuka di atas pelantikan Abdullah sebagai Pengerusi BN.

"Mereka akan memberi ikrar itu untuk menyokong kerajaan baru pimpinan Pak Lah yang juga akan menjadi Pengerusi BN yang baru," katanya ketika dihubungi semalam.

Selain Umno, 13 parti komponen lain ialah MCA, MIC, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Gerakan, Parti Progresif Penduduk (PPP), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), United Pasok Momogun Kadazandusun Organisation (UPKO), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP).

Tahun ini, sudah dua kali Dewan Tertinggi BN bermesyuarat iaitu pada 7 Januari dan 13 September lalu - kedua-duanya dipengerusikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

Mohamed berkata, mesyuarat kali ini juga dijangka tidak membincangkan mengenai pilihan raya umum akan datang.

"Ini kerana semua parti komponen sudah bersiap sedia, cuma menunggu masa bila pilihan raya itu diadakan," katanya.

Sementara itu, Mohamed berkata, tempohnya untuk menyandang jawatan Setiausaha Agung BN sudah tamat Julai lalu, iaitu secara kontrak selama dua tahun sekali.

"Terpulang kepada Pak Lah selaku Pengerusi BN yang baru sama ada mahu melantik saya semula atau tidak. Saya dilantik oleh Dr Mahathir bagi menggantikan Tun Ghafar Baba selaku Setiausaha Agung BN pada 1993," katanya.